

**BAB 8**

**PENGUMUMAN DALAM ETP**

**BAB 801**

**PENGUMUMAN**

**KAEDAH 801.1 AM**

- (1) Semua TPM dan EPM boleh menyiar maklumat berhubung dengan saham atau Kelompok yang tersedia dalam mana-mana kemudahan yang ditetapkan dalam Kaedah 401.1(1), sebagaimana yang diperuntukkan dalam Arah. Berhubung dengan GPM, hanya GPM yang dibenarkan secara nyata oleh Bursa Bonds untuk menyiar maklumat itu boleh melakukannya.
- (2) Siaran maklumat di atas dalam ETP disebut sebagai membuat Pengumuman.
- (3) Semua Pengumuman boleh diakses oleh semua Peserta ETP sepanjang Waktu Pengumuman yang dinyatakan dalam Kaedah 801.3.

**KAEDAH 801.2 TEMPOH SAH PENGUMUMAN**

- (1) Peserta mestilah menentukan tarikh tamat Pengumuman apabila menyiar Pengumuman dalam ETP. Jika tarikh tamat tidak dinyatakan, tarikh tamat Pengumuman akan dikira sebagai 30 hari kalendar dari hari Pengumuman itu dibuat.
- (2) Peserta boleh, sebelum tarikh tamat Pengumuman, membatalkan atau meminda Pengumuman yang dibuat.
- (3) Pengumuman akan dibatalkan daripada sistem pada tarikh tamat pada akhir hari pasaran.

**KAEDAH 801.3 WAKTU PENGUMUMAN**

- (1) Pengumuman boleh disiarkan pada hari pasaran dari Isnin hingga Jumaat (tertakluk kepada cuti umum dan cuti lain sebagaimana yang diisyiharkan oleh Bursa Bonds) dalam dua (2) sesi seperti berikut:
  - (a) Sesi pagi : 9.00 am hingga 12.30 pm
  - (b) Sesi petang : 2.30 pm hingga 5.00 pm

**KAEDAH 801.4 KEGAGALAN SISTEM**

- (1) Jika terdapat kegagalan penyambungan TPM atau EPM ke sistem ETP menyebabkan TPM atau EPM tidak boleh membuat Pengumuman dalam ETP, TPM atau ETP mestilah menghantar secara manual Pengumuman kepada Bursa Bonds melalui faksimile sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa Bonds supaya Pengumuman itu boleh dimasukkan ke dalam ETP oleh Bursa Bonds bagi pihak mereka.

## **KAEDAH 802 OBLIGASI BERHUBUNG DENGAN PENGUMUMAN**

### **KAEDAH 802.1 OBLIGASI**

- (1) Peserta yang membuat Pengumuman mestilah memastikan bahawa maklumat yang disiarkan adalah sebagaimana berikut:
  - (a) berdasarkan fakta, jelas, nyata dan tepat; dan
  - (b) tidak palsu, mengelirukan atau memperdaya.
- (2) Bursa Bonds boleh mengarahkan Peserta untuk menarik balik atau mengubah atau menukar tarikh tamat Pengumuman jika ia sifatkan perlu.
- (3) Bursa Bonds, dengan membenarkan Peserta menyiarkan Pengumuman dalam ETP, tidak mengesahkan ketepatan atau kebenaran maklumat yang disiarkan. Oleh hal yang demikian, Bursa Bonds tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kehilangan atau kerugian yang ditanggung oleh mana-mana pihak yang berbangkit daripada pergantungan pada apa-apa Pengumuman yang disiarkan dalam ETP.
- (4) Peserta bertanggungjawab terhadap semua Pengumuman yang dibuat oleh Peserta itu dalam ETP. Berkenaan dengan hal ini, Peserta akan menanggung rugi Bursa Bonds terhadap semua kehilangan atau kerugian yang ditanggung oleh Bursa Bonds yang berbangkit daripada Pengumuman Peserta walaupun jika Pengumuman itu dibuat oleh Peserta bagi pihak lain.

## **KAEDAH 803 PENGANTUNGAN PENGUMUMAN**

### **KAEDAH 803.1 HAL KEADAAN**

- (1) Bursa Bonds boleh mengantung Peserta daripada membuat Pengumuman dalam hal keadaan berikut:
- (a) berhubung dengan saham tertentu, jika saham itu telah digantung dalam FAST; atau
  - (b) dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam Kaedah 201.19(d) dan Kaedah 202.

[Bab Tamat]